UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Buletin IQRA'

2026

Bil. 1/2026 - Januari • eISSN: 2735-1920

PETIKAN INTIPATI AMANAT TAHUN BAHARU 2026 OLEH PERDANA MENTERI MALAYSIA

Amanat Tahun Baharu 2026
5 Januari 2026
Dewan De' Seri Endon, Puspanitapuri, Putrajaya

Perpaduan, integriti dan kecekapan perkhidmatan menjadi teras utama dalam Amanat Tahun Baharu 2026 oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.
"Kita boleh melakukan perkara yang menakjubkan hanya apabila kita bekerja sebagai satu pasukan yang padu, kukuh dan stabil."

Amanat ini mengingatkan kita bahawa kerja berpasukan, reformasi, ketelusan dan kerja sebagai ibadah adalah asas membina negara MADANI yang berdaya tahan dan berintegriti.

TERIMA KASIH BRIDGED SUKARELAWAN PERPUSTAKAAN UiTM 2025

"Sukarelawan adalah jambatan antara buku dan manusia, antara ilmu dan kehidupan."
Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada Sukarelawan Perpustakaan UiTM atas komitmen, semangat dan dedikasi yang tidak berbelah bahagi sepanjang tahun 2025 dalam menyokong perkhidmatan perpustakaan demi manfaat seluruh warga UiTM.

Sumbangan anda bukan sahaja menghidupkan ruang ilmu, malah menjadi pemangkin kepada pembudayaan ilmu, khidmat komuniti dan nilai kemanusiaan yang tinggi.

Melangkah ke tahun 2026, teruskan menjadi penghubung yang membawa manfaat, menyemai budaya membaca dan mengukuhkan peranan perpustakaan sebagai nadi ilmu dan kehidupan.

@libraryuitm

@libraryuitm

@perpustakaanuitm

@uitmlibrary

@perpustakaanuitm

Hubungi kami:

03 5521 1704

korporatptar@uitm.edu.my

Unit Korporat dan Kolaborasi,
Perpustakaan Tun Abdul Razak,
Univesiti Teknologi MARA,
40450, Shah Alam